

15/11/1999

Masyarakat Cina tidak sanggup perjudikan nasib

L C Fang

MALAYSIA berjaya melepasi cengkaman kegawatan ekonomi dengan formulanya sendiri tanpa bantuan asing. Ia bukan saja membuktikan kewibawaan kepemimpinan kerajaan yang mantap, malah menyerlahkan realiti permuafakatan rakyat.

Walaupun gegaran kemelut ekonomi sedikit sebanyak mencetuskan kekalutan dalam beberapa sektor utama negara, ia tidak menggagalkan pertumbuhan ekonomi bagi jangka panjang. Ia hanyalah ibarat air berkocak, selepas tenang hilanglah riaknya.

Apa pun, satu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah pemulihan ekonomi memperlihatkan sumbangan besar kaum Cina, khususnya dalam memerangi kegiatan spekulator mata wang diterajui George Soros. Ia benar-benar menguji ketahanan serta kesetiaan mereka terhadap bumi ini.

Inilah bezanya sebuah cinta terhadap negara berbanding sikap parti pembangkang yang tidak mengenal erti sumbangan sejati terhadap negara, selain menuding jari membilang kesilapan kerajaan tetapi alpa dengan tanggungjawab menangani masalah ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri kagum dengan kesetiaan yang ditunjukkan oleh kaum Cina dalam konteks mempertahankan kedaulatan negara dengan mengharungi kepayahan bersama.

Malah, Dr Mahathir menganggap kekuatan asas ekonomi masyarakat Cina menjadi sebahagian daripada faktor membantu negara menghadapi serangan spekulator mata wang.

Ketika merasmikan Konvensyen Hakka Sedunia ke-15 di Hotel Sunway Lagoon Resort, 6 November lalu, beliau berkata kaum Cina menunjukkan dengan jelas kesediaan mereka berkongsi kekayaan dengan orang Melayu dan kaum lain demi kestabilan negara keseluruhannya.

"Saya berharap kerjasama erat dan persefahaman yang dimiliki rakyat pelbagai kaum negara ini akan berterusan," katanya kepada lebih 1,000 peserta dari seluruh dunia.

Delegasi besar kaum Cina keturunan Hakka menjadikan negara ini sebagai destinasi perhimpunan mereka adalah petanda jelas bahawa kepemimpinan kerajaan BN berjaya mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bertoleransi dan saling memahami erti kehidupan harmoni.

Sesungguhnya, kehadiran rombongan terbabit menjadi pembuka mata dan minda terhadap untung nasib keturunan mereka yang bukan saja mampu hidup sebagai sebuah keluarga besar bersama kaum lain, khususnya Melayu, yang lebih penting ialah orang Cina negara ini diberi kebebasan sama rata dalam menjana dan merintis ekonomi negara.

Justeru, kerjasama orang Cina yang dirintis melalui Yap Ah Loy (Kapitan Cina dalam industri perlombongan bijih timah pada hujung abad lalu) dan pemimpin Melayu, Mohamad Tahir ketika melakukan kerja asas pembinaan Kuala Lumpur moden menjadi pasak sejarah yang membuktikan kerjasama antara kedua-dua kaum itu, sudah wujud sekian lama.

Menerusi dasar pembentukan rakyat berjiwa Malaysia, kerajaan berjaya melahirkan generasi baru masyarakat Cina yang beridentitikan Malaysia, mampu menguasai bahasa kebangsaan dengan baik, manakala amalan undang-undang dalam menghormati hak masing-masing menjadikan mereka menghargai jasa dan budi kerajaan.

Tidak juga dinafikan ada segelintir daripadanya yang leka dengan kemerduan seloka parti pembangkang. Sewajarnya mereka bangkit dan menangkap sendiri realiti.

Tanyalah pada diri sendiri siapakah yang menyediakan prasarana pendidikan untuk anak-anak mereka, siapa yang mengekalkan janji menegakkan hak asasi dan kebebasan beragama untuk anak warisan mereka dan siapa pula yang memberi jaminan kehidupan harmoni sejak dulu, sekarang dan masa depan.

Atas kesedaran ini juga, dua pertubuhan terbesar masyarakat Cina yang mewakili lebih 100,000 ahli seluruh negara secara terbuka menyatakan sokongan padu kepada kerajaan BN.

Lebih membanggakan apabila pertubuhan terbabit, Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM) berikrar untuk terus bekerjasama dengan pucuk pimpinan bagi memastikan kestabilan, keamanan dan kemajuan negara, selain memenuhi aspirasi Wawasan 2020.

ACCCIM adalah gabungan 17 dewan perniagaan Cina negara ini mewakili lebih 20,000 syarikat, manakala FCAM pula badan induk kepada 13 dewan Perhimpunan Cina iaitu gabungan 5,000 persatuan Cina dengan kira-kira 100,000 ahli.

Presiden ACCCIM, Datuk Lim Guan Teik dan Presiden FCAM, Datuk Chong Chin Shoong mengetuai rombongan 30 pemimpin kedua-dua pertubuhan itu selain melafazkan sokongan di depan Perdana Menteri, mereka turut berikrar menentang segala bentuk ancaman terhadap keutuhan dan kedaulatan, ekonomi dan kepemimpinan negara.

Pendekatan yang dilakukan oleh pertubuhan berkenaan berlandaskan kesedaran yang dibimbit menerusi rasa syukur sebagai rakyat Malaysia, menyisihkan mereka daripada erti suku-sakat berbeza kehidupan masyarakat Cina di sesetengah negara yang terumbang-ambing tanpa pengiktirafan mutlak.

Adalah nyata, masyarakat Cina negara ini tidak sanggup memperjudikan nasib dan masa depan generasi untuk mencongak pelbagai janji parti pembangkang yang belum pasti.

Segala yang tertera di depan mata, dinikmati sekarang sebenarnya adalah imbasan terhadap keberkesanan pemerintahan kerajaan BN yang berteraskan keseimbangan dalam pembahagian kuasa politik dan perkongsian kekayaan negara. Inilah yang menjamin keharmonian selama mengecap erti kemerdekaan.

Masyarakat Cina semestinya tidak pernah, malah tidak akan melentokkan kenyataan ini, kerana itulah pujian Perdana Menteri terhadap peranan mereka dalam membantu pemulihan ekonomi negara.

Sebaliknya ia menjadi satu ingatan tulus yang menyentak kesedaran terhadap permuafakatan tulen sesama kaum, satu gabungan sosiopolitik yang menjajari kepentingan hak daripada terperosok ke lembah durjana seperti nasib kaum Cina di Indonesia.

Sokongan terbuka masyarakat Cina terhadap kerajaan BN seperti yang dilakukan oleh dua pertubuhan terbesar itu menjadi cermin betapa kaum Cina melihat payungan pemerintahan BN sebagai satu wadah perjuangan yang berterusan.

Sokongan itu sebenarnya menepati pengertian seperti yang pernah diperkatakan oleh Dr Mahathir ketika berucap merasmikan 'Zamalah Sastera' Berita Harian di Hotel Hilton Kuala Lumpur, 16 tahun lalu (20 November 1983).

Menurut Perdana Menteri, setiap orang yang menuntut hak kebebasan mesti sanggup bersikap bertanggungjawab. Sebagai anggota sebuah masyarakat, tanggungjawab yang harus dipikul tentulah untuk masyarakat dan bangsa. Sebagai masyarakat beragama, tentunya tanggungjawab kepada agama dan sebagai rakyat sesebuah negara, sudah pasti tanggungjawab itu kepada negara.

"Apabila kita bertanggungjawab terhadap sesuatu, bererti kita perlu menjaga dan memeliharanya daripada sebarang ancaman atau bencana.

Tanggungjawab kita terhadap bangsa misalnya, memerlukan supaya kita menjaga maruah dan keselamatan bangsa walaupun harus menggadaikan nyawa.

"Begitulah jika kita bertanggungjawab kepada agama, kita perlu memelihara agar ia tidak tercemar, kita perlu berusaha seperti seorang mujahid supaya ia berkembang dan dihormati walaupun di kalangan musuh kita," katanya.

Bagi mereka yang sehingga kini masih terpinar mencari arah dalam kepulauan pembangkang wajar menyedarkan diri melalui jejak hakiki bahawa negara akan menjadi tindihan keangkuhan pihak luar jika rakyatnya sendiri tidak mengenal erti kenang budi.

Inilah yang ditekankan oleh Dr Mahathir ketika berucap pada Majlis Makan Malam Esso-Gapena (3 April 1987), bahawa Malaysia memerlukan rakyat yang mempunyai kesedaran nasional dan semangat patriotisme yang tinggi.

"Kita memerlukan warganegara yang cintakan negara dan yang tidak akan melakukan sesuatu yang menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara. Kita memerlukan warga negara yang berdisiplin, berdedikasi dan beramanah tinggi. Lebih-lebih lagi, kita memerlukan warga negara yang sentiasa bangga bahawa dia adalah rakyat Malaysia," katanya.

Ada pihak yang mungkin menganggap sokongan terbuka kaum Cina itu adalah sebahagian gimik politik kerana ia dilakukan ketika menjelang pilihan raya umum.

Jika benar faktor suasana pilihan raya diambil kira, mampukah mereka juga meraih sokongan terbuka majoriti masyarakat Cina?

Berdasarkan senario mempercayai hak kebebasan yang dijanakan kerajaan BN, tidak mustahil sokongan terbuka akan terus melimpah-ruah, termasuk sokongan dalam bentuk keyakinan dan kepercayaan jitu terhadap pembangunan negara.

Gabungan Persatuan Hainan Malaysia (GPHM) turut komited menampilkan sokongan tidak berbelah bagi terhadap kerajaan yang ketika ini membuat persiapan terakhir pengantjaran Konvensyen Sedunia GPHM ke-6 yang akan berlangsung di Genting Highland, 18-20 November ini.

Konvensyen ini bakal menghimpunkan lebih 2,000 peserta daripada seluruh dunia berkampung di Malaysia selama tiga hari, sudah pasti peserta terbabit yang turut didedahkan potensi pelaburan di negara ini mampu menjadi 'duta' apabila pulang ke negara masing-masing.

GPHM yang menggabungkan 70 persatuan berkenaan sudah pasti sekali lagi memercukan sokongan terhadap kerajaan, selain mewacanakan keajaiban formula Malaysia mengekalkan kestabilan politik pelbagai kaum, sekali gus menghampar keharmonian kaum yang mustahil berlaku di kebanyakan negara yang penduduknya pelbagai kaum.

(END)